

Selangor umum 2 projek perikanan skala besar

BH 16/06/23 M/S 25

Pembangunan sedia lebih 7,000 peluang pekerjaan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kerajaan Selangor mengumumkan dua projek perikanan berskala besar di bawah inisiatif Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA) yang dijangka menyediakan lebih 7,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun.

Projek pertama ialah pembangunan kilang pemprosesan dan pembungkusan tuna dan ikan laut dalam pertama di Malaysia yang akan dibangunkan di Sungai Lang, manakala projek kedua ialah pembangunan pelabuhan pendaratan ikan bersepadu pertama Malaysia di Sekinchan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata negeri itu berusaha untuk meningkatkan pelaburan yang besar-besaran dalam pembangunan jangka panjang kawasan luar bandar dengan membabitkan kerjasama antara sektor awam dan swasta.

Katanya, matlamat utama adalah menyediakan penyelesaian yang mampan untuk memastikan keterjaminan makanan negara terus kekal berdaya tahan.

"Ia akan membolehkan petani dan perikanan berskala kecil meningkatkan pengeluaran tempatan, menyesuaikan diri dengan perubahan iklim secara lebih baik, membina rantaian makanan tempatan dan mewujudkan serta menyokong pasaran tempatan dan peluang komersial.

"Inisiatif strategik yang diu-



Amirudin (tiga dari kanan) bersama Norita (dua dari kanan) pada majlis pengenalan inisiatif Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA), di Sabak Bernam, semalam.

(Foto ihsan MBI)

mumkan sebagai sebahagian daripada tumpuan SABDA bertujuan untuk meningkatkan pengurusan industri perikanan kita dan bakal merealisasikan sepenuhnya potensi kawasan pesisir pantai.

"Langkah ini tidak hanya membantu melindungi ekosistem marin kita, tetapi juga sejajar dengan usaha kerajaan negeri dalam membangunkan ekonomi biru sebagai salah satu tonggak penting untuk memastikan keterjaminan makanan negara kita," katanya pada majlis pengenalan SABDA di Sabak Bernam, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Diperbadankan) (MBI), Norita Mohd Sidek.

SABDA adalah antara satu daripada tiga zon pembangunan ekonomi baharu yang dikenal pasti di bawah Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang menyasar untuk meningkatkan keusahawanan dan inovasi dalam kalangan perniagaan dan komuniti tempatan, di samping menarik peluang pelaburan baharu ke

kawasan itu.

Lumpu usaha bina daya tahan

Inisiatif yang diterajui oleh MBI itu akan menumpukan kepada usaha membina kedayatahan makanan di Selangor dengan meningkatkan inisiatif pertanian dan ekonomi biru dengan pelaburan dan teknologi baharu, sambil memanfaatkan peluang tempatan bagi memacu ekopelancongan.

Pada majlis sama, MBI turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Alpha Ocean Resources Bhd (AORB), syarikat terkemuka dalam industri makanan laut, untuk pembangunan kilang pemprosesan dan pembungkusan tuna dan ikan laut dalam pertama di Malaysia.

Kilang yang akan dibina di Sungai Lang itu adalah sebahagian daripada projek berjangka masa 10 tahun yang membabitkan pembangunan pelabuhan pendaratan baharu untuk kapal besar yang berlayar di Lautan Hindi, serta ladang penternakan ikan

dan ketam darat.

Projek berkenaan dijangka dapat mencipta antara 2,500 hingga 5,000 peluang pekerjaan dengan pelaburan awal untuk pembangunan pelabuhan pendaratan dijangka akan mencecah lebih RM 100 juta dan dijangka akan beroperasi dalam tempoh setahun akan datang.

Dalam pada itu, Norita turut mengumumkan rancangan untuk membangunkan pelabuhan pendaratan ikan bersepadu pertama Malaysia di Sekinchan yang dilengkapi dengan sistem kebolehesanan komprehensif yang berupaya menjejaki asal usul, pemprosesan dan pengedaran setiap produk ikan di kemudahan itu.

Projek itu dilaksanakan dengan kerjasama antara MBI, Persatuan Industri Perikanan Sekinchan dan Persatuan Nelayan Sekinchan termasuk komuniti nelayan tempatan dengan dianggarkan akan menarik pelaburan berjumlah RM484.1 juta dalam tempoh 10 tahun di Sabak Bernam dan mewujudkan lebih 4,000 pekerjaan.